Pemberitahuan Hak Prosedur kepada Mangsa Jenayah dan Pengadu dalam Prosiding Mahkamah Jenayah

Selepas Pendakwa Raya memfailkan pertuduhan terhadap tertuduh, Pendakwa Raya bertanggungjawab untuk membuktikan kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh. Mahkamah pula berada dalam kedudukan yang adil, objektif dan berkecuali untuk mengadili tertuduh mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Kanun Tatacara Jenayah. Sekiranya anda merupakan mangsa jenayah, semasa prosiding mahkamah berlangsung, anda berhak untuk melaksanakan hak-hak berikut dan menikmati perlindungan yang diperuntukkan seperti berikut:

1.【Mahkamah Akan Melindungi Privasi Anda】

Secara umumnya, prosiding jenayah dijalankan secara terbuka. Walau bagaimanapun, mahkamah akan berusaha sedaya upaya untuk melindungi privasi anda, bagi mengelakkan tertuduh atau orang awam yang hadir daripada mengetahui maklumat peribadi anda seperti tarikh lahir, alamat tempat tinggal, nombor kad pengenalan, dan sebagainya. *(Rujuk Seksyen 271-2 Perenggan 1, Kanun Tatacara Jenayah)*

2.【Jika Anda Menghadapi Masalah Pendengaran, Pertuturan, Bahasa atau Ketidakupayaan Fizikal/Mental, Anda Boleh Memohon Bantuan Daripada Mahkamah】

Sekiranya anda menghadapi sebarang masalah masalah pendengaran, pertuturan, tidak memahami bahasa yang digunakan, atau mengalami ketidakupayaan lain, anda boleh menghubungi pihak mahkamah lebih awal sebelum tarikh perbicaraan. Mahkamah akan mengatur jurubahasa untuk membantu menterjemah, atau menyediakan bantuan yang sewajarnya mengikut keperluan anda.

3. 【Anda Boleh Dihadiri oleh Seseorang yang Anda Percayai Semasa Perbicaraan】

Anda boleh ditemani oleh wakil sah anda, pasangan, saudara-mara dalam hubungan darah secara langsung atau hingga ke tahap saudara sisi darjah ketiga, ibu bapa, ahli keluarga,

doktor, pakar psikologi, kaunselor, pekerja sosial, atau mana-mana individu yang anda percayai untuk hadir bersama anda ke mahkamah. *(Rujuk Seksyen 271-3, Kanun Tatacara Jenayah)*

4.【Anda Boleh Meminta Pendakwa Raya Mengemukakan Permohonan kepada Mahkamah untuk Mengekalkan Bukti】

Selepas sesuatu kes dikemukakan ke Mahkamah Tingkat Pertama dan sebelum tarikh perbicaraan pertama, Pendakwa Raya boleh, sekiranya dianggap perlu, mengemukakan permohonan kepada mahkamah untuk mengekalkan bukti. *(Rujuk Seksyen 219-4 Perenggan 2, Kanun Tatacara Jenayah)*

Sekiranya anda ingin memastikan agar bukti yang berkaitan dengan kes tidak hilang atau menjadi sukar untuk dikemukakan kelak, anda boleh mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pendakwa Raya untuk memohon pengekalan bukti daripada pihak mahkamah.

5.【Dalam Prosedur Rundingan, Anda Boleh Menyatakan Pendapat kepada Pendakwa Raya Mengenai Kandungan Rundingan】

Sekiranya terdapat prosedur rundingan hukuman antara Pendakwa Raya dan tertuduh semasa prosiding mahkamah, Pendakwa Raya akan mendapatkan pandangan anda terlebih dahulu. Anda berhak untuk menyatakan pendapat anda berkenaan kandungan rundingan hukuman tersebut. *(Rujuk Seksyen 455-2 Perenggan 1, Kanun Tatacara Jenayah)*

6.【Anda Boleh Memohon Mahkamah Menggunakan Peralatan Penyekat untuk Memisahkan Anda Daripada Tertuduh atau Hadirin】

Sekiranya anda berasa takut atau marah apabila berhadapan dengan tertuduh atau hadirin sehingga sukar untuk mengawal emosi, anda boleh memaklumkan kebimbangan tersebut kepada mahkamah. Mahkamah akan mempertimbangkan keadaan kes serta keadaan fizikal dan mental anda, serta mendengar pandangan pihak-pihak berkaitan sebelum membuat keputusan sama ada untuk menggunakan peralatan penyekat seperti skrin atau peralatan video bagi memisahkan anda daripada tertuduh atau hadirin.

7.【Anda Boleh Meminta Pendakwa Raya Memohon kepada Mahkamah untuk Menyiasat Bukti】

Sekiranya anda ingin mahkamah menyiasat mana-mana bukti yang berkaitan dengan kes ini, anda boleh memohon kepada Pendakwa Raya agar beliau mengemukakan permohonan kepada mahkamah untuk menyiasat bukti tersebut, bagi membolehkan mahkamah menjelaskan fakta kes dengan jelas. *(Rujuk Seksyen 163 Perenggan 4, Kanun Tatacara Jenayah)*

8.【Anda Boleh Memohon untuk Rujukan ke Mediasi】

Sekiranya anda ingin berunding dengan tertuduh, anda boleh menyatakan hasrat tersebut kepada mahkamah semasa prosiding perbicaraan dijalankan. Mahkamah akan mempertimbangkan kehendak anda dan tertuduh serta perkembangan kes sebelum membuat keputusan sama ada untuk merujuk kes tersebut ke mediasi. *(Rujuk Seksyen 271-4, Kanun Tatacara Jenayah)*

9.【Anda Boleh Memohon Agar Kes Dirujuk ke Proses Kehakiman Restoratif】

Dalam proses kehakiman restoratif, pelaku, mangsa, keluarga mereka, atau wakil masyarakat boleh berbincang secara terbuka bagi membolehkan pelaku memahami kesan jenayah serta mengambil tanggungjawab terhadap perbuatannya. Proses ini juga membantu memulihkan trauma emosi dan menggantikan kerugian mangsa secara sewajarnya. Anda bebas memohon kepada mahkamah agar kes anda dirujuk ke proses ini. Sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk membuat permohonan, mahkamah akan mendengar pandangan semua pihak yang berkaitan dan, jika difikirkan sesuai, akan merujuk kes tersebut kepada agensi, institusi, atau organisasi yang mempunyai fasilitator profesional untuk menjalankan proses kehakiman restoratif. *(Rujuk Seksyen 271-4, Kanun Tatacara Jenayah)*

10.【Anda Boleh Mengemukakan Pendapat Anda Sendiri kepada Mahkamah (Termasuk Pendapat Mengenai Hukuman)】

Anda atau ahli keluarga anda boleh hadir sendiri ke mahkamah atau mengemukakan kenyataan bertulis kepada mahkamah. Sekiranya anda memilih untuk tidak hadir, mahkamah akan menghormati keputusan tersebut. Anda atau ahli keluarga juga berhak menyatakan pandangan mengenai skop hukuman yang sesuai. *(Rujuk Seksyen 271 Perenggan 2 dan Seksyen 289 Perenggan 2, Kanun Tatacara Jenayah)*

11.【Anda Juga Boleh Menyampaikan Pendapat Anda kepada Mahkamah Melalui Pendakwa Raya】

Sekiranya anda mempunyai sebarang pandangan semasa prosiding perbicaraan, anda boleh memaklumkannya kepada pendakwa raya, yang akan menyampaikan pendapat tersebut kepada mahkamah bagi memastikan mahkamah memahami dengan lebih jelas.

12.【Anda Boleh Memfailkan Tuntutan Sivil Bersama dalam Perbicaraan Peringkat Pertama atau Kedua】

Sebelum perbicaraan jenayah peringkat pertama atau kedua tamat, anda boleh memfailkan tuntutan sivil terhadap tertuduh atau pihak lain yang bertanggungjawab mengikut undang-undang sivil bagi menuntut ganti rugi. Jika mahkamah memutuskan untuk memindahkan kes tersebut ke mahkamah sivil, secara amnya anda tidak perlu membayar yuran penghakiman, kecuali dalam kes keputusan pembebasan, penolakan pertuduhan, atau kes tidak diterima. *(Rujuk Seksyen 487 dan Seksyen 503 hingga 505 Kanun Tatacara Jenayah)*

13.【Jika Anda Memberi Keterangan sebagai Saksi, Anda Boleh Memohon Bayaran yang Berkaitan】

Sekiranya mahkamah memanggil anda sebagai saksi untuk memberi keterangan, secara prinsipnya anda akan dibayar elaun harian dan kos perjalanan pada hari yang sama. Jika bayaran tidak diterima pada hari tersebut, anda boleh membuat permohonan dalam tempoh 10 hari selepas itu. Sekiranya anda menghadapi kesulitan kewangan, anda juga boleh memohon bantuan kewangan terlebih dahulu secara bertulis sebelum perbicaraan berlangsung. *(Rujuk Seksyen 194 Kanun Tatacara Jenayah)*

14.【Selepas Mahkamah Membuat Keputusan, Anda Boleh Memohon Pendakwa Raya Mengemukakan Rayuan】

Jika anda tidak bersetuju dengan keputusan mahkamah, anda boleh memohon dengan alasan yang munasabah kepada pendakwa raya dalam tempoh rayuan yang dibenarkan untuk mengemukakan rayuan. *(Rujuk Seksyen 344 Perenggan 3 Kanun Tatacara Jenayah)*

15.【Anda Boleh Memohon untuk Menggunakan "Platform Maklumat Prosiding Jenayah untuk Mangsa"】

Semasa prosiding mahkamah berjalan, anda boleh memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan maklumat mengenai kes tersebut. Sekiranya permohonan anda diluluskan, mahkamah akan menyediakan maklumat terkini secara masa nyata melalui e-mel. Anda juga boleh menyemak maklumat kes secara dalam talian. Borang permohonan dan maklumat lanjut boleh didapati di: https://reurl.cc/6a1Nay

16.【Anda Boleh Memohon Pampasan sebagai Mangsa Jenayah】

Jika anda adalah waris mangsa yang meninggal dunia akibat jenayah, atau mangsa yang mengalami kecederaan parah atau gangguan terhadap kebebasan seksual (termasuk eksploitasi seksual kanak-kanak), anda boleh memohon pampasan mengikut peruntukan undang-undang. Untuk maklumat lanjut mengenai syarat permohonan dan dokumen sokongan, sila layari laman web Kementerian Kehakiman, atau hubungi pejabat pendakwa raya atau Persatuan Perlindungan Mangsa Jenayah di talian 0800-005-850.

17.【Jika Anda Adalah Pengadu, Anda Mempunyai Hak Berikut】

(1) Melantik Peguam untuk Menyemak Dokumen di Mahkamah

Semasa perbicaraan, anda boleh melantik peguam sebagai wakil pengadu untuk menyemak dan menyalin dokumen kes di mahkamah bagi memudahkan anda memahami perkembangan kes. (Rujuk Seksyen 271-1 Perenggan 2)

(2) Melantik Wakil untuk Menyatakan Pendapat di Mahkamah

Anda juga boleh melantik wakil pengadu untuk hadir di mahkamah dan menyampaikan pendapat bagi pihak anda. (Rujuk Seksyen 271-1 Perenggan 1)

(3) Menyampaikan Pandangan kepada Pendakwa Raya Mengenai Keputusan Mahkamah
Selepas keputusan mahkamah diumumkan, jika anda mempunyai pandangan terhadap keputusan tersebut, anda boleh memaklumkannya kepada pendakwa raya dalam tempoh rayuan yang ditetapkan supaya pandangan anda diambil kira. (Rujuk Seksyen 314 Perenggan 2)

18. 【Ingin Mengetahui Lebih Lanjut Mengenai Perlindungan Am dan Penglibatan Mangsa dalam Prosiding?】Sila layari laman web Mahkamah di pautan berikut atau imbas kod QR: https://reurl.cc/a9ogW4